



SIDANG MEDIA KHAS

KETUA PENGARAH JABATAN PERLINDUNGAN HIDUPAN LIAR DAN TAMAN NEGARA (PERHILITAN)

“OPERASI JENAYAH HIDUPAN LIAR”

20 OGOS 2018

OPERASI JENAYAH HIDUPAN LIAR 1

1. Pada 13 Ogos 2018, Jabatan PERHILITAN telah menerima maklumat daripada Jabatan Kastam DiRaja Malaysia (JKDM) KLIA berhubung satu konsaimen yang mencurigakan dan disyaki sebagai hidupan liar.
2. Jabatan PERHILITAN telah menjalankan pemeriksaan lanjut konsaimen tersebut di Pos Aviation Cawangan Eksport, Cargo Terminal Building, FCZ, KLIA,
3. Siasatan lanjut pemeriksaan menemui :
 - i. **Lima puluh (50) batang disyaki sumbu badak seberat 116kg;**
 - ii. **Sembilan (9) set lengkap bangkai disyaki hidupan liar seberat 200 kg.**
4. Kesemua hidupan liar ini telah dirampas dan konsaimen ini dipercayai cuba dieksport keluar dari Malaysia tanpa sebarang permit yang sah.

5. Kes disiasat di bawah Akta Perdagangan Antarabangsa Mengenai Spesies Terancam 2008 [Akta 686] dan **kerana mengeksport tanpa permit**. Sabit kesalahan boleh didenda **tidak melebihi RM100,000.00 bagi setiap** bahagian yang mudah dikenali atau terbitan haiwan, spesies terjadual itu **tetapi denda itu tidak boleh melebihi satu juta ringgit pada agregatnya**, atau **dipenjarakan** selama tempoh **tidak melebihi tujuh tahun** atau kedua-duanya;
6. Jabatan PERHILITAN juga akan menjalankan ujian DNA bagi mengesahkan dan mengenalpasti spesies hidupan liar bagi setiap barang kes yang dirampas ini.
7. Ejen yang menguruskan konsaimen ini telah disiasat dan siasatan masih berjalan bagi mengenalpasti pemilik konsaimen ini yang sebenar. Berdasarkan siasatan awal, didapati terdapat maklumat palsu yang digunakan dalam dokumen berkaitan.
8. Jabatan PERHILITAN juga akan bekerjasama dan bertukar maklumat dengan pihak INTERPOL dalam menyiasat ke sini kerana ia melibatkan jenayah rentas sempadan.

OPERASI JENAYAH HIDUPAN LIAR 2

1. Pada 13 Julai 2018, Jabatan PERHILITAN Negeri Sembilan telah menangkap seorang lelaki kerana telah menyimpan **tiga (3) ekor disyaki anak Orang Utan hasil daripada maklumat perisikan.**
2. Suspek dipercayai menjalankan urusaniaga hidupan liar secara atas talian dan ditangkap ketika beliau hendak berurusan dengan pembeli hidupan liar tersebut.
3. Orang Utan tersebut telah dirampas dan kenderaan yang digunakan turut disita oleh Jabatan PERHILITAN. Suspek telah didakwa di mahkamah dan beliau tidak mengaku bersalah. Mahkamah telah membebaskan OKT dengan jaminan sebanyak RM8,000.00, dan OKT dikehendaki menyerahkan passport kepada mahkamah dan perlu melapor diri di Balai Polis setiap minggu pertama setiap bulan. Sebutan semula kes adalah pada 12 September 2018.
4. Jika disabit kesalahan, OKT boleh dikenakan dengan denda tidak melebihi RM100,000.00 atau penjara tidak melebihi 3 tahun atau kedua-duanya.
5. Jabatan PERHILITAN telah menjalankan ujian DNA ke atas ketiga-tiga Orang Utan ini dan disahkan ia merupakan spesies dari Indonesia iaitu Orang Utan Sumatera (*Pongo abelii*).
6. Sehubungan itu, sebagai memenuhi obligasi Konvensyen CITES, Malaysia telah berhubung dengan pihak berkuasa Indonesia bagi proses penghantaran balik spesies Orang Utan Sumatera ini ke Indonesia.

Berdasarkan kes tangkapan operasi penguatkuasaan pada kali ini, ia merupakan rampasan terbesar oleh PERHILITAN yang direkodkan setakat ini dengan nilai rampasan:

- i. **Operasi jenayah hidupan liar 1: RM48 juta**
- ii. **Operasi jenayah hidupan liar 2 : RM 500,000.00**

Jumlah keseluruhan rampasan: RM48.5 juta.

Adalah diharapkan orang ramai akan terus memberikan sokongan dan membantu menyalurkan maklumat kepada Jabatan PERHILITAN terhadap sebarang perlakuan jenayah hidupan liar dalam usaha bersama melindungi khazanah negara ini yang semakin diancam kepupusan. Maklumat boleh disalurkan melalui PERHILITAN Hotline 1-800-88-5151 (Isnin- Ahad, 8.00 pagi – 6.00 petang) atau *e-aduan* melalui laman web Jabatan www.wildlife.gov.my.